

55 Notis Pengesahan Maklumat dikeluarkan kepada peniaga ayam - KPDNHEP Johor

Mei 19, 2020 Ditulis oleh Media Baharu



JOHOR BAHRU, 19 Mei - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor mengeluarkan 55 Notis Pengesahan Maklumat kepada peniaga ayam bagi mendapatkan penjelasan berhubung kenaikan harga jualan ayam.

Semua peniaga dan penjual ayam di peringkat pemborong dan peruncit turut diperiksa.

Exco Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, R. Vidyananthan dalam kenyataannya memaklumkan, KPDNHEP melaksanakan pemeriksaan khas serentak ke atas 4,008 premis sejak 18 Mac lalu.

Ia merangkumi 3,486 peruncit, 397 pemborong dan 125 pengilang.

Pemeriksaan bagi mengesan kesalahan mencatut iaitu mengambil keuntungan tidak munasabah oleh peniaga.

Sekiranya peniaga sengaja atau gagal menunjukkan bukti munasabah kenaikan harga, tindakan tegas akan diambil. Sementara itu, bekalan makanan semasa musim perayaan di Johor mencukupi.

Pemeriksaan terhadap pengilang, pemborong dan peruncit menunjukkan tidak berlaku sebarang kekurangan bekalan makanan dan kuantiti bekalan mencukupi.

<http://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/18481-55-notis-pengesahan-maklumat-dikeluarkan-kepada-peniaga-ayam-kpdnhep-johor>